



جامعة السلطان الشري夫 علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester I, Sesi Akademik 2016/2017

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus	: SJ 4303 ^ x
Nama Kursus	: Acara Jenayah Di Mahkamah Syariah
Peringkat Kursus	: Sarjana Muda Syariah (Fiqh & Kehakiman)
Masa	: 3 jam

Rujukan dibenarkan:

Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77)
Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7)

Nota :

1. Sila jawab **empat** soalan sahaja.
2. Soalan pertama adalah **wajib**.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Soalan Pertama (15 markah)

Di dalam pelaksanaan acara jenayah di Mahkamah Syariah, peruntukan tatacara di dalam Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77) adalah diguna pakai sebagai undang-undang utama, selain peruntukan di dalam Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) di dalam keadaan-keadaan tertentu :-

- i. Jelaskan :
 - a. rasional penggunaan Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) itu (1 markah)
 - b. keadaan-keadaan yang membenarkan Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) itu diguna pakai (2 markah)
- ii. Sebutkan empat(4) perbezaan di antara ‘maklumat’ yang dimaksudkan di dalam peruntukan bab 63 Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77) dan bab 111 Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) (3 markah)
- iii. Jelaskan kesahan tindakan atau tatacara berikut, dan berikan alasan anda dalam:
 - a. Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) memulakan penyiasatan tanpa menerima laporan maklumat pertama.
(1.5 markah)
 - b. Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) menyebabkan kematian orang yang ditangkap dalam kes *khawatir*.
(1.5 markah)
 - c. Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) memecah pintu rumah kepunyaan orang lain untuk memasuki tempat yang telah dimasuki oleh orang yang hendak ditangkap
(1.5 markah)
 - d. Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) menggeledah tanpa waran di dalam kes jenayah syariah
(1.5 markah)
 - e. Pendakwa tersilap dalam membentuk butir pertuduhan
(1.5 markah)

- f. Hakim mensabitkan kesalahan orang yang dituduh berdasarkan pengakuannya yang diputuskan sukarela di dalam *voir dire*.
(1.5 markah)

Soalan Kedua [15 markah]:

Bab 65(a) dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77) memberi kuasa kepada Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) untuk menangkap tanpa waran ke atas sesiapa saja yang melakukan di hadapannya satu kesalahan yang bertentangan dengan Akta ini yang ‘melibatkan pecah keamanan’:-

- a) Jelaskan :
- i. maksud ‘kesalahan yang melibatkan pecah keamanan’ itu (2.5 markah)
 - ii. sebutkan kes Mahkamah Syariah yang telah memberikan maksud tersebut.
(2.5 markah)
- b) Terangkan tatacara yang perlu dipatuhi oleh Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) setelah melakukan tangkapan.
(4 markah)
- c) Tahanan selepas 48 jam. Ia adalah tertakluk kepada kawalan kehakiman. Huraikan tindakan-tindakan yang perlu dipertimbangkan oleh Hakim Syar’ie sebelum melaksanakan kuasa budi bicaranya untuk memerintah tahanan banduan selepas 48 jam.
(6 markah)

Soalan Ketiga [15 markah]:

Jelaskan isu undang-undang yang dibangkitkan, dan keputusan Mahkamah terhadap isu tersebut di dalam setiap kes berikut :-

- i. *Pendakwa Syarie lwn. Hj Kula MTS/JEN/38/2000 & MRS/RJ/3/2002,*
(7.5 markah)
- ii. *Pendakwa Syarie lwn. Sulastri binti Hj Basir dan seorang lagi [2001-2003]*
Laporan Undang-Undang Syariah Brunei 225.
(7.5 markah)

Soalan Keempat [15 markah]:

Tuduhan adalah suatu pemberitahuan kepada orang yang dituduh tentang kesalahan yang ia dipertuduhkan. Terdapat beberapa kaedah am di dalam tuduhan, antaranya:-

Pertama: setiap kesalahan berlainan mesti disebut dalam tuduhan berasingan. Apabila dua atau lebih kesalahan berlainan disebut dalam satu tuduhan, tuduhan menjadi bertindan.

Kedua: seseorang harus menyedari akan kesalahan yang dia dipertuduhkan dan akhirnya disabitkan dengan kesalahan itu.

- i. Nyatakan kesan-kesan tuduhan yang bertindan. (3 markah)
- ii. Terdapat empat(4) kecualian kepada kaedah am yang kedua itu. Jelaskan tiga(3) sahaja daripadanya. (6 markah)
- iii. Berikan contoh keadaan kes yang dapat memberikan gambaran jelas bagi setiap kecualian yang anda pilih di para ii di atas. (6 markah)

Soalan Kelima [15 markah]:

Di dalam prosiding perbicaraan, sekiranya orang yang dituduh memilih untuk mengaku bersalah, pengakuan salah itu hendaklah tanpa syarat dan tanpa keraguan.

- i. Apakah yang dimaksudkan dengan pengakuan salah yang bersyarat itu? Terangkan. (5 markah)
- ii. Jelaskan tatacara perbicaraan sekiranya orang yang dituduh mengaku salah dengan bersyarat. (10 markah)

Soalan Keenam [15 markah]:

Rayuan hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi Syariah terhadap apa-apa keputusan Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah. Rayuan boleh dibuat oleh Pendakwa Syar'ie atau oleh seseorang yang dituduh terhadap pembebasan atau sabitan kesalahan atau hukuman atau kedua-duanya sekali atau mana-mana bahagiannya, :-

- i. Siapakah yang akan mengemukakan rayuan sekiranya dia tidak berpuas hati dengan hukuman yang telah diputuskan oleh Mahkamah Rendah? Jelaskan.
(3 markah)
- ii. Bagaimanakah tatacara rayuan itu dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi Syariah? Huraikan.
(10 markah)
- iii. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah boleh menolak rayuan itu secara ringkas dalam keadaan tertentu. Sebutkan keadaan itu.
(2 markah)

بالتوفيق والنجاح